BERITA HARIAN

BH PILIH C13C 24 (emel)

Tebing Sungai Temiang diperkukuh

BH 24/11/2006

Majlis Perbandaran Seremban sedia peruntukan RM20,000 pastikan masalah hakisan tidak berlaku

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Majlis Perbandaran Seremban (MPS) sudah memulakan kerja mengatasi masalah hakisan tebing anak sungai Sungai Temiang di Kampung Bukit Tembok, di sini yang turut menjejaskan sebahagian jalan di penempatan itu.

Pihak berkuasa tempatan itu memperuntukkan kira-kira RM20,000 untuk tujuan berkenaan walaupun kawasan terbabit adalah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Yang Dipertuanya, Abdul Halim Abdul Latif, berkata kerja mengukuhkan tebing itu hanya penyelesaian sementara bagi memastikan hakisan berkenaan tidak bertambah teruk.

Tindakan segera MPS mendapat pujian penduduk yang bimbang hujan setiap hari kebelakangan ini boleh menyebabkan tebing anak sungai berkenaan terus terhakis.

Keadaan itu bukan saja boleh mengancam keselamatan mereka, tetapi kira-kira 1,000 pengguna yang menjadikan jalan di situ laluan alternatif ke Rasah, Ampangan dan pusat bandar.

Pertengahan bulan lalu, Sentral menyiarkan kebimbangan 2,000 penduduk kampung berkenaan dan perumahan sekitarnya mengenai hakisan yang sudah dua tahun berlaku itu, tetapi tidak diatasi hingga bertambah buruk.

Hakisan itu juga menyebabkan jambatan konkrit untuk menyeberangi anak sungai berkenaan ke jejantas berdekatan turut retak, manakala sebahagiannya pula runtuh.

Penduduk, T Dhiukaran, 38, berterima kasih kepada pihak berkuasa yang mengambil tindakan memperbaiki tebing itu bagi mengelakkan hakisan bertambah buruk, sekali gus mengelakkan kejadian tidak diingini.

Dia juga berterima kasih kepada Sentral kerana menyiarkan kebimbangan penduduk mengenai masalah itu yang berlarutan begitu lama sehingga mendapat reaksi segera daripada pihak berkuasa.

"Kami hairan mengapa masalah ini hanya diberikan perhatian selepas disiarkan media, sedangkan sudah banyak aduan dibuat sebelum itu," katanya yang menguruskan kedai runcit kira-kira 10 meter dari tempat hakisan.

> *"Tindakan awal ini bagi memastikan hakisan sepanjang kira-kira 50 meter pada tebing itu tidak bertambah buruk sehingga boleh mengancam keselamatan orang ramai"*
>
> **Abdul Halim Abdul Latif**
> *Yang Dipertua MPS*

AHMAD SYAHRUL DERAUH | BERITA HARIAN

TINDAKAN SEGERA: Pekerja MPS memulakan kerja mengatasi masalah hakisan tebing anak Sungai Temiang di Kampung Bukit Tembok.